

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

- Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas .
- Agama Islam menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wataniyyah atau bersederhana .

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

1. Al-'ariyah : pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan/harta oleh pemberi pinjam kepada peminjam bagi memanfaatkan barangan tersebut secara percuma .
2. Al-qard : pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan/komoditi yang boleh dianggar atau diganti mengikut bilangan .

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASSAN

1. Membantu golongan yang memerlukan
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin
3. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara
4. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan di akhirat
5. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat

AL-QARD AL-HASAN PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

- | | |
|---|---|
| • Amanah Ikhtiar Malaysia (pinjaman ini tidak mengenakan faedah ke atas pinjaman) | • Skim pajak gadai Islam/Ar-rahnu (transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang) |
|---|---|

LARANGAN RIBA

Banyak hadis Rasulullah SAW yang menggambarkan ketegasan Baginda dalam memerangi riba termasuk aspek orang memakan riba, menjadi agen, mencatat transaksi dan orang yang menjadi saksi .

عن جابر، قال: لعن رسول الله اكل الربا، وموكله، وكاتبه، وشاهديه، وقال : هم سواء

Terjemahan : " Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda : Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa"

PRINSIP AL-QARD AL-HASSAN

- Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah .
- Sebarang tambahan nilai/lebih jumlah pinjaman yang asal dianggap riba .

HUKUM AL-QARD AL-HASSAN

- Hukumnya adalah sunat mengikut hadis Rasulullah SAW dan juha ijma' para fuqaha'.

روي ابن مسعود ان النبي صلى الله عليه وسلم قال : من اقترض مسلما درهما مرتين كان له اجر صدقة مرة

Terjemahan : "Sesiapa daripada kalangan muslim yang memberikan pinjaman kepada muslim yang lain sebanyak dua kali, ganjarannya seperti melakukan sedekah sekali"

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang
2. Penghutang/peminjam
3. Barang yang dipinjam
4. Sighah

PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- Setiap hutang hendaklah ditulis bagi merekod pembayaran yang dibuat dan mengelakkan penipuan.
- Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjam yang diberikan.
- Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyaratkan.
- Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh tertentu.

BANTUAN KEPADA ASNAF ALQHARIMIN

- Fungsi : mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat
- Kriteria : golongan yang terpaksa berhutang atas faktor memenuhi keperluan asas kehidupan

GEJALA CETI HARAM

- Mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga/faedah serta tidak telus dalam pembayaran balik hutang
- Dikaitkan dengan keganasan seperti ugutan, pembunuhan, tindakan mencederakan dan sebagainya.
- Menyebabkan pelbagai kesan negatif seperti tekanan jiwa dan keruntuhan rumahtangga bagi penghutang